

PM sudah bayangkan tindakan

Oleh ZAINAL A MOKHTAR

GEORGETOWN, Khamis — Beberapa pemimpin Umno di negeri ini, berkata tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggugurkan menteri dan timbalan menteri yang menentangnyanya memang sudah dijangka.

"Saya menjangka Datuk Seri Dr Mahathir akan bertindak demikian. Ini dibayangkan dalam ucapan penangguhannya di Perhimpunan Agung Umno.

"Ibarat ketua pasukan bola, Perdana Menteri tentulah akan menyingkirkan pemain-pemain yang menentang pasukan yang diketuainya untuk menjamin pasukan itu benar-benar kuat dan setia kepadanya," kata Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang, Haji Shamsuri Haji Salleh.

Beliau berkata, menteri-menteri dan timbalan menteri yang disingkirkan itu semestinya sudah menimbang risiko apabila tewas dalam pertandingan menentang kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

"Sekarang mereka terpaksa menerima ri-

siko tindakan mereka itu," katanya.

Menurutnya, perjuangan Umno bukan untuk kepentingan individu, tetapi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Haji Shamsuri tidak yakin tindakan Perdana Menteri menggugurkan menteri dan timbalan menteri itu boleh menjejaskan perpaduan parti.

Katanya, Umno pernah menghadapi ujian berat apabila Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan timbalan menteri pada saat negara hendak menghadapi pilihanraya umum.

"Bagaimanapun, berkat perpaduan ahli-ahli Umno, Barisan Nasional yang diterajui oleh Umno mencapai kejayaan besar," katanya.

Haji Shamsuri menasihatkan ahli Umno Pulau Pinang bertenang dan memperkukuhkan perpaduan parti.

Ketua Umno bahagian Bayan Baru, Haji Ismail Nagore, pula berkata pengumuman itu mengejutkan. "Bagaimanapun, hak Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenai Kabinetnya."

Ujian

Haji Ismail berharap suasana hangat menjelang Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini tidak berulang.

Ketua Umno bahagian Jelutong, Datuk Haji Yusof Latiff, berkata keputusan Tengku Razaleigh Hamzah meletakkan jawatan dipuji kerana beliau berpegang teguh kepada prinsip.

"Bagaimanapun, Kabinet kehilangan menteri yang berpengalaman," katanya.

Ketua Pemuda Umno bahagian Bayan Baru, Encik Abdul Rahman Ismail, menyokong penuh tindakan Perdana Menteri.

"Langkah itu perlu bagi memastikan anggota kabinet benar-benar bertanggungjawab dan setia menyimpan rahsia negara," katanya.

Ketua Biro Agama dan Dakwah Umno bahagian Nibong Tebal, Haji Yusof Ariff berharap perletakan jawatan dan pengguguran menteri-menteri itu tidak menimbulkan suasana yang boleh menjejaskan perpaduan parti.

Ketua Umno Bahagian Bagan, Encik Mohd Farid Ariffin, berkata proses itu satu amalan biasa bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi untuk menentukan arah sesebuah kerajaan.

"Jika kita melantik orang yang tidak sealign dengan kita, segala kerja yang dilakukan tidak bergerak dengan berkesan," katanya.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir berhak berbuat demikian kerana beliau diberi mandat baru oleh parti.

Encik Mohd Farid yakin penyokong-penyokong Umno tidak akan bertindak di luar batasan berikutan tindakan itu kerana mereka sudah matang.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang, Encik Ahmad Haji Saad, berkata keputusan itu hak Perdana Menteri dan perlu diterima dengan hati terbuka.